

'Air cecah lantai tingkat dua'

Kuala Selangor: Sepanjang tempoh 40 tahun menetap di Kampung Seri Sentosa, Bestari Jaya, Selangor, Misnah Jani belum pernah dilanda banjir besar sehingga mencecah lantai di tingkat dua rumah kayu yang dibina berdekatan sungai di situ.

Namun, bencana tahun ini adalah yang terburuk kerana dalam tempoh dua bulan, sudah empat kali beliau dan suaminya terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara di Surau Ladang Tuan Mee.

Misnah, 64, berkata, kali terakhir mereka berdua ditempatkan di situ adalah kira-kira dua minggu lalu.

"Bayangkan dalam tempoh dua bulan, sudah empat kali kami berpindah dan sepanjang menetap di sini, banjir yang berlaku kelmarin yang paling buruk pernah saya alami," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sehingga jam 5.30 petang semalam, 37 mangsa dari kawasan berkenaan ditempatkan di pusat pemindahan Surau Ladang Tuan Mee, membabitkan 11 keluarga.



Lipot (kiri) bersama Misnah berehat di rumah rakan mereka kerana tidak dapat pulang ke rumah yang dinaiki air di Kampung Seri Sentosa, Bestari Jaya, semalam. [FOTO MUHAMMAD SULAIMAN/BH]

Jiran kepada Misnah, Lipot Yunus, 84, berkata suaminya Samira Riduan, 82, berkeras untuk terus tinggal dalam rumah mereka yang dinaiki air kerana risau kediaman itu dihanyutkan banjir.

"Suami saya tinggal di rumah itu dengan ditemani oleh seorang anak kami. Selain ri-

sau rumah hanyut, kami juga bimbang jika ada haiwan liar seperti ular 'menumpang' di dalam rumah.

Ikat, gantung kerusi

"Bagi memastikan barangan dalam rumah tidak turut hanyut atau rosak ditenggelami air, saya dan suami mengikat

dan menggantung kerusi di kayu alang rumah sebelum memuatkan segala barangan di atasnya.

"Cuma hari ini, saya dan Misnah tidak dapat pergi ke rumah kami kerana jalan terputus, selain tiada siapa yang boleh membawa kami dengan menaiki bot untuk menjenguk kediaman yang ditinggalkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Kampung Budiman, Meru, Bahar Khafadi, berkata penduduk sudah serik untuk berdepan dengan banjir lagi kerana ia menjejaskan rutin harian, selain menyebabkan kerugian yang tinggi.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terbabit, harus merancang alternatif baharu bagi mengatasi masalah banjir di kampung itu dan tidak hanya berdiam diri walaupun aduan sudah dilaporkan beberapa kali.

Hujan lebat selama dua jam kelmarin, menyebabkan 30 rumah penduduk di kampung Budiman, dinaiki air separas paha.